

KENYATAAN SULUNG DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

27 SEPTEMBER 2019

.....

## **1. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow, YB Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa, Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, YB Barisan EXCO kerajaan negeri Pulau Pinang dan YB Dato' Seri Farizan bin Hj Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menyokong usaha-usaha MBSP untuk menjadi sebuah bandaraya terbesar di negara ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, seluruh jentera Pentadbiran MBSP, yang

selama ini telah bertungkus lumus menyumbang idea, menggalas tanggung jawab dan kepercayaan rakyat untuk memajukan Seberang Perai. Kepada barisan jentera MBSP dan Wira Oren MBSP, penaiktarafan ke Bandaraya adalah hasilnya dari titisan keringan suci dan penat lelah anda semua. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan media yang selama ini sentiasa membuat liputan ikhlas untuk dihidangkan kepada rakyat dan menjadi wadah komunikasi rakyat dan MBSP

## **2. PENEMPATAN PENGARAH PESURUHJAYA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Sazila Binti Muhamad telah ditempatkan di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan sebagai Pengarah Pesuruhjaya Bangunan, berkuatkuasa 2 September 2019. Beliau memegang kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hartanah dari Universiti Teknologi Mara.

## **3. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2019**

Dimaklumkan bahawa MBSP telah mengadakan Promosi Cukai Taksiran MBSP Penggal Kedua 2019 pada 1 Julai 2019

sehingga 31 Ogos 2019. MBSP telah berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak RM 56.99 juta yang mana telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak RM40 juta. MBSP mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga Seberang Perai yang menunaikan tanggungjawab membayar cukai taksiran. Program ini diadakan bersempena dengan pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

MBSP menyediakan sebanyak **15 hadiah** bagi **kategori bayaran secara online, bank dan agensi**. **Hadiah** yang ditawarkan berupa wang tunai RM1,000 setiap satu, bagi **tempat Pertama hingga Ke-5**, selebihnya adalah telefon pintar, barangan elektrik dan perkakasan rumah. Sebanyak **5 hadiah** berbentuk wang tunai sejumlah RM200, setiap satu disediakan bagi kategori **bayaran di kaunter MBSP**.

Sebanyak 65,808 akaun telah layak menyertai cabutan bertuah bagi kategori bayaran secara online, agensi, dan bank manakala 32,589 akaun layak untuk kategori bayaran di kaunter MBSP.

20 bakal pemenang akan ditentukan dalam Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Taksiran Penggal Kedua 2019 akan

diadakan sejeurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Para pemenang akan dihubungi MBSP bagi urusan pengesahan serta akan dijemput untuk menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah pada bulan Oktober 2019.

Senarai pemenang cabutan bertuah Promosi Cukai Pintu Penggal Kedua 2019 boleh disemak dalam laman web MBSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) mulai hari Sabtu, 28 September 2019.

#### **4. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI PADA 27 OKTOBER 2019**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Deepavali disambut pada 27 Oktober 2019 (Ahad). Oleh itu, keesokan harinya merupakan hari kelepasan am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**